



UNIT PERANCANG EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI

## KENYATAAN MEDIA

### KERAJAAN KOMITED MEMPERCEPATKAN PROJEK PEMBANGUNAN 2021

Pandemik COVID-19 yang kita hadapi sekarang memberikan kesan yang amat besar kepada ekonomi negara. Kerajaan banyak belajar daripada krisis kesihatan dan krisis ekonomi ini. Justeru, Kerajaan terus komited untuk mempergiatkan usaha bagi memastikan kesan pandemik ini dapat diminimumkan. Salah satunya adalah dengan mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan bagi menggerakkan semula ekonomi. Ini kerana pelaksanaan projek pembangunan memberikan kesan pengganda yang besar kepada negara.

Bagi menggerakkan semula ekonomi, Kerajaan telah menyediakan peruntukan untuk pelaksanaan projek kecil dan sederhana dalam Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) dan PRIHATIN yang dipantau oleh Unit Penyelarasan dan Koordinasi (ICU) berjumlah RM4 bilion.

Sehingga 30 November 2020, sebanyak 8,157 daripada 8,559 projek telah ditawarkan kepada kontraktor kelas G1, G2 dan G3 di bawah PRE. Manakala bagi projek di bawah PRIHATIN yang melibatkan 4,658 projek, sebanyak 3,758 projek telah pun selesai ditawarkan kepada kontraktor kelas yang sama.

Kerajaan telah memperuntukkan RM69 bilion untuk perbelanjaan pembangunan (DE) dalam Belanjawan 2021, sebanyak 45 peratus daripadanya adalah projek sambungan dan 55 peratus untuk projek baharu. Peranan perbelanjaan sektor awam adalah kritikal dalam tempoh ini apabila pihak swasta, termasuk perusahaan kecil dan sederhana menghadapi cabaran untuk menggerak dan memulihkan ekonomi. Bagi 3,834 projek sambungan, tidak ada masalah dalam

melaksanakan projek-projek ini. Walau bagaimanapun, bagi 2,558 projek baharu adalah penting perancangan awal dibuat untuk memastikan pelaksanaan pada tahun 2021 adalah lancar.

Mesyuarat Pelan Perancangan Pelaksanaan Projek Pembangunan bagi Tahun 2021 yang dipengerusikan bersama oleh saya dan Yang Berbahagia Tan Sri Mohd. Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara telah diadakan pada hari ini. Mesyuarat ini bagi mengenal pasti kaedah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek sambungan dan memastikan projek-projek baharu dapat segera dilaksanakan pada tahun hadapan.

Kerajaan mendapati langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan perbelanjaan peruntukan DE melalui kelonggaran beberapa peraturan ketika PKP memberikan kesan positif kepada pelaksanaan projek. Mesyuarat hari ini telah mengenal pasti beberapa langkah penambahbaikan dan kelonggaran prosedur tersebut yang akan diteruskan pada tahun 2021.

Langkah-langkah penambahbaikan dan kelonggaran prosedur tersebut yang telah dilaksana pada tahun 2020 antara lainnya ialah:

- i. Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan selewat-lewatnya 31 Ogos 2020.
- ii. Memantau dengan rapi prestasi perbelanjaan pembangunan melalui sesi libat urus Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan kementerian.
- iii. Jabatan Kerja Raya melaksanakan kaedah pra-kelayakan dengan memendekkan tempoh SST dari 6 bulan ke 3 bulan.
- iv. Melonggarkan peraturan berkaitan perolehan kerajaan.
- v. Mewujudkan mekanisme pemantauan khusus.
- vi. Jawatankuasa Pemudahcara dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara bagi menyelesaikan isu pelaksanaan projek.

Mesyuarat hari ini mengarahkan semua kementerian untuk mengemukakan perancangan pelaksanaan projek pembangunan untuk tahun 2021 kepada pejabat Ketua Setiausaha Negara sebelum 31 Disember 2020. Perancangan ini termasuklah

jangkaan tarikh untuk panggilan tender, tarikh bermula pelaksanaan. Ia juga dikehendaki mengenal pasti beberapa masalah yang mungkin timbul.

Kerajaan terus komited untuk memastikan semua projek yang dirancang untuk rakyat dapat dilaksanakan segera. Projek-projek sambungan dan baharu ini adalah penting untuk kesejahteraan rakyat dan untuk menggerakkan ekonomi. Ia juga akan dapat merapatkan jurang pembangunan antara wilayah.

**DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED**  
**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)**  
**1 DISEMBER 2020**